


# → TRAGEDI

## LOKASI PENEMUAN MANGSA TRAGEDI 'KEPALA AIR' SUNGAI GASI, SUNGAI BULOH



GRAFIK BH

[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]

## Suasana pilu ketika waris tuntutan jenazah

→ Suami terkilang gagal selamat isteri hanyut depan mata

Oleh Nor Azidah Mokhtar, Norizuan Samsuddin, Syazwan Msar, Faris Fuad, Fazrik Kamaruddin dan Nur Afiradina Arshad  
bhnews@bh.com.my

↳ Sungai Buloh

Suasana pilu yang diselang-seli tangisan, menyelubungi pekarangan Jabatan Forensik Hospital Sungai Buloh semalam, apabila ahli keluarga dan waris berkumpul untuk menuntut jenazah lima pemang yang menjadi korban 'kepala air' Sungai Gasi, petang kelmarin.

Suami kepada Jeleha Hashim, Syamsul Azhar Maula, 33, berusaha menahan sebak, manakala tiga anak pasangan itu menangan hiba mengenangkan nasib malang me-

nimpa ibu mereka, hingga terpaksa ditenteramkan oleh ahli keluarga.

"Ya Allah, berat sungguh ujian-Mu," rintih Syamsul Azhar dalam keadaan pilu, sejeurus melihat kenderaan membawa mayat isterinya, tiba di hospital itu.

Mayat Jeleha, 48, ditemui jam 3.45 petang semalam, tersangkut pada semak dalam sungai berhampiran Desa Coalfields di sini, kira-kira 19 kilometer dari lokasi kejadian.

Syamsul Azhar berkata, dia amat terkilang apabila melihat isterinya hanyut di depan mata selepas berhempas pulas untuk menyelamatkannya.

Bapa saudara kepada Jamaluddin Rapawi, 14, Mukhlisin pula menyifatkan anak saudaranya itu seorang yang baik dan sentiasa

mendengar kata ibu bapa.

Jamaluddin adalah mangsa ter-muda tragedi itu, mengikut bapanya, Rapawi Jum'ada, 37, memancing di lokasi kejadian, sebelum turut dihanyutkan arus deras itu.

### Hubungi ahli keluarga

Mukhlisin, 24, berkata beliau mengetahui kejadian itu menerusi media sosial, sebelum menghubungi ahli keluarga untuk mendapatkan maklumat lanjut.

"Saya terkejut, sedih dan sebak sejeurus menerima berita berkenaan, malah perasaan itu masih dirasakan hingga ke saat ini.

"Saya jumpa arwah dua hari lalu dan ketika itu semua nampak ceria. Saya tidak sangka itu pertemuan terakhir kami," katanya.

Mayat Jamaluddin ditemui jam

1.26 pagi semalam, kira-kira 8.2 kilometer dari lokasi kejadian, manakala mayat bapanya menjadi mangsa terakhir ditemui jam 4.35 petang, terapung dalam sungai dekat Desa Coalfields, berhampiran jambatan simpang ke arah Puncak Alam, kira-kira 24 kilometer dari lokasi kejadian.

Terdahulu, mayat Silawati Zailan, 31, ditemui pada jam 12.30 tengah hari semalam, kira-kira 10.6 kilometer dari lokasi kejadian, manakala warga Indonesia dikenali sebagai Hashir, 38, ditemui pada jam 9.51 malam kelmarin, kira-kira 9.8 kilometer dari lokasi kejadian.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan S Somu, berkata operasi pencarian semua mangsa yang menjadi korban arus deras mencari dan menyelamatkan yang membabitkan kira-kira 200 ang-

gota bomba, polis, tentera, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Pasukan Polis Marin, Majlis Bandaraya Shah Alam dan orang awam.

### Mayat terakhir

Beliau berkata, susulan penemuan mayat terakhir jam 4.35 petang semalam, operasi ditamatkan selepas semua mangsa dihantar ke Hospital Sungai Buloh (HSB) dan dicam ahli keluarga masing-masing.

"Selepas selesai proses pengecaman dan bedah siasat, mayat akan diserahkan kepada waris untuk dikuburkan.

Komander Operasi Bomba, Penguasa Kanan Bomba I Yusri Basri, berkata semua mayat ditemui dalam keadaan sempurna lengkap berpakaian.



Anggota Bomba dan Penyelamat membawa mayat mangsa lemas yang terakhir, semalam.